

Jika anda memilih untuk mendapatkan khidmat peguam untuk perbicaraan, lakukannya seawal mungkin.

Jika anda tidak mampu mendapatkan peguam, anda boleh minta bantuan dari Biro Bantuan Guaman (*Legal Aid Bureau*). Tetapi, sebelum anda memutuskan sama ada anda perlukan peguam atau tidak, pergilah ke Pusat Keadilan Masyarakat (*Community Justice Centre - CJC*) yang terletak di Aras 3 bangunan Mahkamah Keadilan Keluarga bagi mendapatkan maklumat lanjut. Selain itu, jika anda berhajat mendapatkan nasihat guaman percuma, anda boleh memohon di klinik guaman (*Legal Clinic*) CJC di Aras 1, bangunan Mahkamah Negara.

## APAKAH FAKTOR-FAKTOR YANG MAHKAMAH AMBIL KIRA SEBELUM PERINTAH NAFKAH DIBERIKAN KEPADA SESEORANG ISTERI, SUAMI YANG KURANG UPAYA ATAU ANAK?

Mahkamah akan menimbangkan semua hal keadaan dalam kes tersebut termasuk:

- Keperluan kewangan kededua pihak;
- Kedudukan pendapatan (jika ada) kededua pihak, harta dan sumber kewangan lain yang ada;
- Sama ada pihak berkenaan mempunyai apa-apa kekurangan fizikal atau mental;
- Sumbangan kededua pihak untuk kebajikan keluarga mereka termasuk membiayai belanja rumah atau keluarga, serta tingkah laku kededua pihak;

- Taraf hidup yang dinikmati sebelum soal pengabaian atau keengganan memberi nafkah ini wujud; dan
- Bagi nafkah anak, tentang bagaimana keadaan si anak dan cara apakah kededua pihak ini mahu anak ini dididik atau dilatih.

## APA YANG AKAN DINYATAKAN DALAM PERINTAH NAFKAH?

Perintah Nafkah (*Maintenance Order*) akan menyatakan:

- Jumlah nafkah yang perlu dibayar;
- Bila ia perlu dibayar;
- Kepada siapa ia perlu dibayar; dan
- Kaedah pembayarannya (sama ada dibayar terus kepada *Pemohon* atau dimasukkan ke dalam akaun bank *Pemohon*).

Perintah Nafkah mesti dipatuhi melainkan dan sehingga perintah ini dimansuhkan (atau dibatalkan), digantung sementara ataupun diubah.

### **Penolakan Tuntutan:**

*Risalah ini diterbitkan sebagai maklumat am sahaja dan bukan bertujuan sebagai nasihat guaman. Hubungi seorang peguam jika anda memerlukan nasihat guaman. Pihak penerbit menolak apa-apa juga tuntutan dan sebarang pertanggungjawaban yang timbul daripada dan berkaitan dengan kandungan dalam risalah ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari leلمان kami. Jika anda perlukan nasihat guaman, hubungi peguam anda.*

**Family Justice Courts**  
3 Havelock Square, Singapore 059725  
[www.FamilyJusticeCourts.gov.sg](http://www.FamilyJusticeCourts.gov.sg)

  
**FAMILY JUSTICE COURTS**  
S I N G A P O R E



## Nafkah

**Apa yang anda perlu tahu tentang permohonan nafkah**

## SIAPAKAH YANG BOLEH MEMOHON MENDAPATKAN NAFKAH?

- Wanita berkahwin yang suaminya mengabaikan atau enggan memberi nafkah yang munasabah boleh memohon;
- Anak-anak sama ada yang sah atau luar nikah yang tidak mampu menanggung dirinya sendiri juga boleh memohon melalui penjaga atau orang yang menjaganya secara rasmi; atau
- Suami kurang upaya yang tidak berdaya menanggung diri sendiri sedangkan isteri mereka mengabaikan atau enggan memberi nafkah yang munasabah boleh memohon.

## BAGAIMANAKAH SAYA MEMOHON UNTUK MENDAPATKAN NAFKAH?

Untuk memohon bagi mendapatkan nafkah, anda perlu mengangkat sumpah di hadapan hakim untuk mengatakan bahawa anda tidak diberi sebarang nafkah atau jumlah yang diberikan tidak mencukupi bagi keperluan anda dan/atau anak-anak anda. Anda perlu memohon sendiri di Mahkamah Keadilaan Keluarga. Wanita-wanita ini juga boleh memfailkan permohonan mereka di Pertubuhan Majlis untuk Wanita Singapura (*Singapore Council for Women's Organisation – SCWO*).

## PERLUKAH SAYA BAWA APA-APA DOKUMEN?

Ya. Sila bawa dokumen-dokumen berikut:

- Kad pengenalan anda;
- Salinan sijil perkahwinan anda;
- Salinan sijil lahir anak-anak anda;
- Salinan Perintah Mahkamah (contohnya, perintah hak penjagaan) yang telah dikeluarkan jika relevan untuk permohonan ini; dan
- Laporan perubatan bagi suami yang kurang upaya.

## APA YANG BERLAKU DI PEJABAT PENDAFTARAN KELUARGA (*Family Registry*)?

- Anda harus mengisi butiran yang diperlukan dalam borang yang tersedia. Terdapat Jurubahasa Cina, Melayu dan Tamil untuk membantu anda.
- Selepas membuat permohonan, anda perlu mengangkat sumpah di hadapan hakim.
- Jika alasan yang diberikan mencukupi, saman akan dikeluarkan terhadap *Responden*. Anda hanya perlu membayar jumlah nominal S\$1.00 untuk saman tersebut dikeluarkan.
  - Surat akan dihantar kepada *Responden* untuk menerima saman di Mahkamah Keluarga pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
  - Jika *Responden* gagal untuk menerima saman tersebut di Mahkamah Keluarga, penghantar saman dari Mahkamah akan menyerahkan saman ini kepada *Responden* di rumah atau

tempat kerja *Responden*. *Responden* akan diberitahu untuk hadir di Mahkamah pada hari yang ditetapkan. Biasanya, ini memakan masa dua hingga tiga minggu selepas aduan difailkan.

## APA YANG BERLAKU DI MAHKAMAH?

- Pada hari yang ditetapkan, kedua pihak akan menghadiri sidang pengantaraan (*mediation*) melainkan jika ia dikecualikan oleh pihak Mahkamah. Jika terdapat penyelesaian, perintah persetujuan (*consent order*) akan dicatatkan di hadapan seorang hakim di dalam Kamar. Jika tiada penyelesaian, kedua pihak akan hadir di hadapan hakim Mahkamah Keluarga 1 untuk sebutan Mahkamah bila mana hakim akan memberi beberapa arahan agar kedua pihak dapat membuat persediaan untuk menjalani perbicaraan.
- Dalam sebutan Mahkamah, anda akan ditanya oleh hakim untuk menetapkan sekali lagi:
  - Berapakah jumlah nafkah yang anda tuntutan; dan
  - Nafkah ini diperlukan untuk siapa.
- Jika *Responden* setuju dengan tuntutan anda tadi, hakim akan membuat Perintah Persetujuan yang menyatakan bahawa *Responden* akan membuat pembayaran yang disetujui. Jika *Responden* tidak setuju, hakim akan mengarahkan kedua pihak menyiapkan tiga set dokumen-dokumen yang diperlukan kerana satu set akan diberikan kepada hakim dan satu set untuk pihak lawan pada hari sebutan Mahkamah yang berikutnya.

- Di hari sebutan yang berikutnya, hakim akan menetapkan tarikh perbicaraan apabila kes anda telah siap sedia untuk dibicarakan.
- Sekiranya anda ingin memanggil saksi untuk perbicaraan, sila pastikan tarikh perbicaraan yang diberikan itu sesuai untuk saksi berkenaan.
- Sila bawa set-set dokumen yang diperlukan itu serta saksi anda, jika ada, pada hari perbicaraan.
- Kes nafkah dibicarakan di hadapan seorang hakim dalam sidang Mahkamah terbuka dengan hanya dihadiri oleh kedua pihak melainkan hakim telah memberi izin kepada orang-orang lain untuk hadir.
- Semasa perbicaraan, kedua pihak diperlukan untuk membentangkan kes masing-masing jika mereka tidak diwakili oleh peguam. Anda, selaku Pihak Menuntut, akan membentangkan kes anda dahulu kepada hakim dan anda boleh disoal oleh *Responden* tentang apa yang anda bentangkan. Selepas ini, saksi-saksi anda, jika ada, perlu membuat yang sama. Selepas saksi terakhir anda selesai memberi keterangan, *Responden* pula akan membentangkan kes beliau dan anda dibenarkan menyoal *Responden*. Selepas ini, saksi-saksi *Responden*, jika ada perlu membuat yang sama.
- Selepas semua keterangan dibentangkan oleh kedua pihak, kedua pihak mungkin dibenarkan mengemukakan perihal kes mereka kepada hakim. Hakim akan membuat keputusan selepas perbicaraan tamat sama ada membuat perintah agar nafkah perlu dibayar ataupun permohonan yang dibuat itu dibuang kes.